

## **BAB TIGA**

### **METODOLOGI KAJIAN**

Bab ini membincangkan tentang reka bentuk kajian, tempat kajian, subjek kajian, instrumen kajian, prosedur kajian dan juga penganalisan data.

#### **Reka bentuk Kajian**

Kajian ini merupakan satu kajian perbandingan tentang pelaksanaan sekolah bermasalah pembelajaran yang terdapat di Malaysia dan di Jepun. Secara ringkas, kajian ini akan meninjau empat aspek utama dalam pelaksanaan sekolah tersebut yang terdiri daripada kurikulum sekolah, jenis-jenis kemahiran, penglibatan para profesional, dan peranan ibu bapa.

Kajian ini akan menggunakan kaedah kualitatif untuk tujuan pengumpulan data. Kaedah-kaedah yang akan digunakan adalah

- i) kaedah pemerhatian
- ii) kaedah temu ramah
- iii) kaedah perpustakaan/dokumentasi

Rumusan bagi reka bentuk kajian ini dapat dilihat di dalam Jadual 5 yang berikut.

Bil.	Aspek Kajian	Kaedah Kajian	Instrumen Kajian
1.	Kurikulum sekolah	Perpustakaan /	Senarai semak
2.	Jenis kemahiran	Dokumentasi	
3.	Penglibatan para profesional	Pemerhatian	
4.	Peranan ibu bapa	Temu ramah	

Jadual 5 : Reka bentuk Kajian

### Tempat Kajian

Kajian ini telah dijalankan di dua buah sekolah menengah iaitu sebuah di Kuala Lumpur, Malaysia dan sebuah lagi di Tokyo, Jepun. Sekolah-sekolah yang terpilih ini merupakan Sekolah Khas Bermasalah Pembelajaran. Kedua-dua buah sekolah tersebut adalah

- i) Sekolah Menengah Yaacob Latif, Jalan Peel, Kuala Lumpur
- ii) Sekolah Menengah Minato, Tokyo, Jepun

### Subjek Kajian

Kajian ini melibatkan seramai tiga puluh empat (34) orang pelajar kelas khas bermasalah pembelajaran, sepuluh (10) orang guru khas dan empat (4) orang ibu dari Sekolah Menengah Yaacob Latif, Jalan Peel Kuala Lumpur.

Sebagai unsur perbandingan, seramai dua puluh (20) orang pelajar bermasalah pembelajaran, sembilan (9) orang guru khas dan empat (4) orang ibu mewakili Sekolah Menengah Minato, Tokyo. Jadual di bawah menunjukkan kumpulan kajian untuk penyelidikan ini.

Kumpulan Kajian	Malaysia	Jepun
Pelajar Bermasalah Pembelajaran	34	20
Guru Khas Bermasalah Pembelajaran	10	9
Ibu	4	4

Jadual 6: Sampel Kumpulan Kajian

### **Instrumen Kajian**

Kajian ini merupakan kajian perbandingan berbentuk kualitatif. Oleh itu, kajian ini menggunakan senarai semak ( sila rujuk lampiran A ) untuk memperoleh maklumat daripada responden atau subjek kajian. Senarai semak tersebut merangkumi keempat-empat aspek utama yang dikaji yang terdiri daripada

- i) kurikulum sekolah
- ii) jenis kemahiran
- iii) penglibatan para profesional
- iv) peranan ibu bapa

Dari segi aplikasi aspek kurikulum dan jenis kemahiran maklumat / fakta diperoleh berdasarkan catatan atau nota pengkaji semasa berada bersama-sama pelajar menjalankan aktiviti-aktiviti berkenaan.

### **Prosedur Kajian**

Kajian ini adalah satu kajian perbandingan yang menggunakan senarai semak dan temu ramah untuk mendapatkan data. Kajian ini telah dijalankan di Tokyo, Jepun selama tiga (3) bulan iaitu dari Mei – Julai 1996. Data-data di Jepun telah diperoleh sewaktu pengkaji mengikuti Kursus Mental Retardation anjuran bersama Japan International Co-Operation Agencies (JICA) dengan Jabatan Perkhidmatan Awam melalui Jabatan Pendidikan Khas, Kementerian Pendidikan Malaysia. Kursus tersebut telah diadakan di Tokyo International Centre (TIC) iaitu salah sebuah pusat JICA.

Manakala maklumat dan data di Malaysia diperoleh dengan membuat kajian selama tiga (3) bulan iaitu dari Januari – Mac 1997. Data diperoleh apabila pengkaji

membuat tinjauan secara mingguan ataupun dua (2) minggu sekali ke sekolah berkenaan.

Maklumat dan data yang diperolehi daripada kedua-dua buah sekolah tersebut dianalisis dan ditafsir. Pentafsiran dilakukan berdasarkan keempat-empat aspek yang dikaji iaitu kurikulum sekolah, jenis kemahiran, penglibatan para profesional, dan peranan ibu bapa. Pada peringkat pertama, maklumat dan data daripada senarai semak akan diproses. Ini diikuti dengan pemprosesan maklumat hasil daripada pemerhatian dan juga temu ramah. Akhir sekali, kesemua maklumat tersebut dibuat perbandingan. Hasil daripada dapatan perbandingan tersebut telah dilakukan beberapa kesimpulan berkaitan dengan kajian ini.

### **Analisis Dapatan**

Data kajian yang sebenar telah dihuraikan secara deskriptif untuk melihat persamaan dan perbezaan keempat-empat aspek yang dikaji. Data-data mudah digunakan sebagai mengukuhkan maklumat yang dibincangkan.